

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah program-program yang telah diambil oleh pihak Kementerian Perpaduan dan akan diambil untuk membantu masyarakat Orang Asli ini supaya mereka mendapat “*FAIR VALUE*” untuk hasil-hasil mereka..

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Tidak dinafikan Masyarakat Orang Asli juga menyumbang dalam membekalkan hasil-hasil dan ada diantaranya yang sinonim dengan masyarakat mereka seperti madu lebah, hasil hutan, herba dan kraftangan. Namun, terdapat kerisauan bahawa produk atau hasil yang diperolehi oleh Orang Asli tidak mendapat ‘FAIR VALUE’ dalam pasaran iaitu sama ada hasil atau produk mereka dijual pada harga yang rendah atau dijual tidak sepadan dengan nilai sebenar hasil tersebut.
2. Bagi membantu masyarakat Orang Asli mendapat ‘FAIR VALUE’ untuk hasil-hasil mereka, JAKOA berkerjasama dengan rakan sinergi seperti MARDI, Jabatan Pertanian dan Institut Genom bagi meningkatkan nilai produk atau hasil masyarakat Orang Asli melalui pelaksanaan kajian terhadap kebaikan dan manfaat yang tinggi yang terdapat pada hasil-hasil masyarakat Orang Asli.
3. Di antara faktor hasil masyarakat Orang Asli tidak mendapat ‘FAIR VALUE’, adalah apabila hasil mereka dijual kepada peraih

NO. SOALAN : 201

sebelum dipasarkan di luar. Kekangan masyarakat Orang Asli untuk memasarkan hasil mereka terus kepada pengguna menyebabkan mereka terdedah kepada tawaran harga yang rendah daripada peraih.

4. Bagi membantu masyarakat Orang Asli untuk memasarkan terus produk mereka ke luar, JAKOA melalui Program Pembangunan Usahawan Orang Asli menganjurkan Karnival Usahawan Orang Asli bagi memberi peluang kepada usahawan-usahawan Orang Asli mempromosikan produk dan hasil masyarakat mereka. JAKOA juga ada menyediakan peruntukan kepada usahawan-usahawan Orang Asli untuk menyertai karnival jualan anjuran agensi lain agar masyarakat Orang Asli berpeluang memasarkan produk dan hasil mereka dengan 'FAIR VALUE'.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWANRAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]

SOALAN NO. 203

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status terkini mengenai larangan atau kawalan penggunaan rokok elektronik atau vape di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keputusan Jemaah Menteri pada 28 Oktober 2016 telah memutuskan bahawa kawalan cecair rokok **elektronik bernikotin kekal** di bawah **Akta Racun 1952** dan **Akta Jualan Dadah 1952**. Bagi penggunaan dan penjualan cecair rokok elektronik tidak bernikotin, ia adalah dikawal di bawah Akta Baru yang akan merangkumi kawalan penggunaan dan penjualan hasil tembakau sedia ada dengan penggunaan dan penjualan **rokok elektronik yang tidak bernikotin** di bawah kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Deraf Akta tersebut telah dibangunkan dan sedang dalam semakan pihak Jabatan Peguam Negara .

2. Pada pertengahan tahun 2019, isu penggunaan rokok elektronik kembali memuncak dengan kemunculan produk baru yang dikenali sebagai "pod" menarik perhatian murid serta pelajar sekolah. Susulan itu, satu Jawatankuasa khas yang terdiri daripada pakar-pakar dari Kementerian serta agensi berkaitan telah ditubuhkan bagi

SOALAN NO. 203

mengawal penggunaan produk ini yang semakin berleluasa. Kawalan ini dilaksanakan dengan menggunakan pakai Akta sedia ada, iaitu Akta Racun 1952 dan Akta Perihal Dagangan 2011. Selain daripada itu jualan serta promosi atas talian di dalam laman sosial turut dipantau. Di bawah Jawatankuasa ini, aktiviti penguatkuasaan telah dilaksanakan di mana sebanyak 305 premis telah diperiksa dengan hasil rampasan cecair nikotin bernilai RM 11,296,450. Pada masa yang sama sebanyak 11,044 pautan dalam platform e-dagang telah diturunkan dan 259 pautan laman sesawang telah disekat.

Sekian, terima kasih.